

02/06/1999

Pas diminta buang perkataan Islam daripada nama parti

KUALA LUMPUR, Selasa - Pelbagai pihak hari ini meminta Pas membuang perkataan Islam daripada nama parti kerana ia bukan parti yang memperjuangkan Islam sebaliknya hanya sebuah parti yang mahu memerintah.

Malah, selain menganggap tindakan Pas menghampiri kehancuran dan perpecahan sesama ahli, langkah itu juga membuktikan perjuangannya berasaskan 'matlamat menghalalkan cara.'

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata Pas dulu membuat kenyataan bahawa mengundi orang bukan Islam tidak akan masuk syurga, tetapi kini mereka membenarkan orang Islam menjadi ahli Pas.

"Saya nak tengok berapa banyak orang bukan Islam menjadi calon pilihan raya tajaan Pas atau Pas hanya memperkudakan mereka kerana mahu berkuasa.

"Jika Pas mahu juga membenarkan bukan Islam sebagai ahli, saya mencadangkan supaya nama Pas diubah kepada nama Pasab," katanya mengulas cadangan Pas untuk meminda Perlembagaannya untuk membenarkan ahli bukan Islam menjadi calon Pas.

Ketika menggulung perbahasan pada akhir Muktamar Agung Pas ke-45 di sini, kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaannya, Hassan Shukri, berkata pihaknya sudah menyiapkan cadangan untuk membuka keahlian parti kepada bukan Islam sebagai ahli bersekutu.

Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya, Datuk Mahathir Mohd Khir, pula berpendapat Pas hanya sebuah parti politik yang tidak berbeza dengan parti politik lain.

Bagaimanapun, katanya, Pas berhak meminda Perlembagaannya untuk membenarkan ahli bukan Islam sebagai ahli bersekutu, jika mendapat persetujuan ahli.

"Yang menjadi isu ialah kerana mereka pernah menuduh pakatan Umno-MCA-MIC sebagai bukan Islam tetapi kini mereka pula yang melakukannya," katanya.

Menurutnya, Pas dan DAP yang menawarkan diri sebagai parti pilihan juga tidak pernah membentangkan pilihan dalam menyelesaikan isu termasuk ekonomi.

Seorang tokoh perniagaan, Syed Amin Al-Jefri, pula berpendapat cadangan Pas itu menunjukkan parti itu bukan parti Islam.

"Justeru, saya mencadangkan supaya perkataan Islam itu dibuang dari nama parti dan letakkan nama lain yang tidak mengelirukan orang ramai," katanya.

(END)